

NOTA SISTEM BAHASA



Kata Nama Am

Kata nama am digunakan untuk menyebut nama benda, haiwan, manusia dan tempat secara umum.

Contoh :

Kata Nama Am	Contoh	Contoh Penggunaan dalam Ayat
Benda	Kereta, buku, baju, komputer	Siti meletakkan baju di dalam almari.
Haiwan	Singa, kucing, itik, ular	Adi memelihara seekor kucing .
Manusia	Murid, guru, bomba, doktor	Murid itu sedang bersenam
Tempat	Sekolah, klinik, pejabat, taman	Mereka ke sekolah setiap hari.

PERINGATAN : Kata nama am ditulis dengan **huruf kecil kecuali** pada awal ayat.



Kata Nama Khas

Kata nama khas digunakan untuk menyatakan nama benda, haiwan, manusia dan tempat yang tertentu. Huruf pertama kata nama khas mesti dieja dengan huruf besar.

Contoh :

Kata Nama Khas	Contoh	Contoh Penggunaan dalam Ayat
Benda	Stabilo, Acer, Smiggle, Mazda 2	Ibu membeli beg sekolah berjenama Smiggle untuk adik.
Haiwan	Pak Belang, Si Comel, Sang Kancil, Si Tompok	Kucing Adila bernama Si Tompok .
Manusia	Doktor Ravi, Tan Sri Hisyam, Datin Marina, Cikgu Ahmad	Doktor Ravi sedang merawat pesakitnya.
Tempat	Restoran Haslam, Muzium Negara, Taman Tasik Titiwangsa, Mid Valley	Kami berbuka puasa di Restoran Haslam .



Kata Ganti Nama

Kata ganti nama diri ialah perkataan yang digunakan untuk menggantikan nama diri, tanya dan tunjuk.



Kata Ganti Nama Diri

- Kata ganti nama diri terbahagi kepada tiga, iaitu kata ganti nama diri pertama, kata ganti nama diri kedua, dan kata ganti nama diri ketiga.
- Setiap kata ganti nama terdiri daripada tunggal dan jamak.

Contoh :

Kata Ganti Nama Diri	Contoh	Contoh Ayat
Pertama	Aku, saya, beta, patik, kami, kita	Nama saya Malek. Kami akan ke sana esok.
Kedua	Anda, awak, engkau, kamu, kalian, tuanku	Dina akan menelefon awak nanti. Kalian hendak ke mana?
Ketiga	Baginda, beliau, dia, ia, mereka	Mereka sedang beratur di dewan. Dia berasal dari Sabah.



Kata Ganti Nama Tanya

Kata ganti nama tanya ialah kata untuk menggantikan nama benda, orang, tempat, masa dengan maksud pertanyaan.

Contoh : apa, mana, siapa,

Contoh Ayat:

- 1 Siapakah nama kamu?
- 2 Apakah yang sedang awak lakukan?
- 3 Harga sepinggan mi goreng itu berapa?



Kata Ganti Nama Tunjuk

Kata ganti nama tunjuk ialah kata yang menjadi pengganti kata nama yang menunjukkan benda, perkara atau tempat.

Contoh: sini, situ, ini, itu, sana

Contoh Ayat:

- 1 Pen ini dihadiahkan oleh Cikgu Hafiz.
- 2 Kereta merah itu milik abang saya.



Kata Kerja

Kata kerja ialah kata yang digunakan untuk menunjukkan sesuatu perbuatan atau keadaan melakukan sesuatu sama ada oleh manusia, haiwan atau sesuatu benda.

Jenis Kata Kerja

(i) Kata Kerja Transitif

- Kata kerja ini adalah kata kerja yang diikuti oleh objek iaitu kata nama bagi melengkapkan maksud ayat tersebut.
- Ini boleh dikenal pasti melalui imbuhan dalam sesuatu perkataan.

Imbuhan	Contoh Perkataan	Contoh Ayat
Kata kerja berawalan meN–	Mencuci, menendang, menjala, menebang	Ahmad menjala ikan di sungai.
Kata kerja berawalan ter–	Terlanggar, termakan, terpijak	Zetty terpijak ekor kucing.
Kata kerja berapitan meN...–i	Menaiki, mendekati, menyertai	Budak itu mendekati ibunya.
Kata kerja berapitan meN....–kan	Mengemaskan, memasukkan mengemukakan	Dian memasukkan baju ke dalam bakul.
Kata kerja berawalan memper–	Memperbuat, memperlebar	Pekerja sedang memperlebar jalan raya.
Kata kerja berapitan memper–....–i	Memperbaiki, mempelajari	Manisah mempelajari Bahasa Mandarin.
Kata kerja berapitan memper–....–kan	Memperkenalkan, mempertemukan	Wartawan itu mempertemukan dua rakan baik yang terpisah.

(ii) Kata Kerja Tak Transitif

- Kata kerja tak transitif ialah kata kerja yang tidak memerlukan penyambut kerana sudah sempurna maknanya dengan tidak memerlukan objek dan boleh berdiri sendiri di dalam ayat.

Imbuhan	Contoh Perkataan	Contoh Ayat
Kata kerja berawalan meN–	Menyanyi, menangis	Adik menangis kesedihan.
Kata kerja berawalan beR–	Berjalan, bersenam	Joshua berjalan di taman.
Kata kerja berawalan teR–	Terjatuh, tersenyum	Mira tersenyum kegirangan.
Kata kerja berapitan ber–....–an	Bersalaman, berpelukan	Ayah dan tetamunya bersalaman sebelum pulang.

- Kata kerja tak transitif boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu
(i) **Kata kerja tak transitif berpelengkap.**
(ii) **Kata kerja tak transitif tanpa pelengkap.**
- Kata kerja tak transitif berpelengkap ialah kata kerja yang memerlukan kata atau frasa tertentu selepas kata kerja untuk melengkapkan maksud ayat itu.

Contoh Ayat:

- 1 Faez tertinggal kuncinya di pejabat.
- 2 Kita harus berbuat baik sesama jiran.

- Kata kerja tak transitif tanpa pelengkap pula bermakna kata kerja itu boleh berdiri dengan sendiri dan masih membawa makna ayat yang hendak disampaikan walaupun tiada kata atau frasa selepas ayat itu.

Contoh Ayat:

- 1 Semua murid sudah pulang.
- 2 Ibudan ayah asyik berbual.



Kata Adjektif

- Kata Adjektif atau juga dipanggil Kata Sifat ialah kata yang menerangkan sifat atau keadaan sesuatu benda, orang, tempat dan sebagainya.
- Kata ini juga boleh disertai dengan kata penguat seperti “sangat”, “amat, dan “paling.”
- Kata adjektif dapat dibahagikan kepada sekurang-kurangnya sembilan kumpulan berdasarkan makna perkataannya, iaitu:

Jenis	Contoh	Contoh Ayat
Sifat	Baik, cerdik, berani, lemah, kukuh, kemas, kasar, cantik, kuat	1 Kakak Aina cantik orangnya. 2 Badannya masih lemah selepas pulih daripada demam.
Warna	Merah, jingga, ungu, putih, kuning langsung	Jubah berwarna ungu itu kepunyaan ibu.
Ukuran	Pendek, panjang, tebal, nipis, dalam, besar, panjang, nipis	1 Adik memakai kemeja berlengan pendek. 2 Kolam itu besar.
Bentuk	Bulat, bujur, leper, empat segi, lonjong.	1 Mukanya bujur sirih. 2 Bola bentuknya bulat.
Waktu	Lama, lambat, lewat, segera, suntuk, lampau, lalu, silam	1 Airil sudah lewat untuk ke sekolah. 2 Tolong hantar buku latihan segera.
Jarak	Dekat, hampir, jauh	Rumahnya jauh dari bandar.

Cara	Selalu, jarang, kerap, lambat, deras, laju, jelas, muram, lincah	1 Zaidi jarang datang ke sekolah. 2 Kanak-kanak itu berlari dengan laju.
Perasaan	Takut, seram, benci, rindu, marah, senang, gembira	1 Ibu marah akan adik. 2 Kami gembira melihat Cikgu Anisa.
Pancaindera	– Rasa: Sedap, lazat, manis, pahit, lemak, pedas, payau – Pandangan: Buruk, hodoh, jelita, cantik – Dengar: Bising, senyap – Bau: Busuk, wangi, hangit, hapak – Sentuh: Keras, kasar, lembab, halus, licin	1 Puding roti itu sungguh sedap. 2 Gadis jelita itu bernama Seri. 3 Kelas 6 Delima bising betul. 4 Lantai itu licin selepas hujan.



Kata Penguat

- Kata penguat ialah perkataan yang mendahului atau mengikuti kata adjektif dan berfungsi untuk menguatkan maksud terkandung dalam kata adjektif.
- Terdapat 3 jenis kata penguat:

Kata Penguat	Contoh	Contoh Ayat
Hadapan (diguna di hadapan kata adjektif)	terlalu, paling, agak	1 Pakaian di butik tersebut terlalu mahal. 2 Masakan ibu sayalah yang <u>paling</u> sedap. 3 Lorong di belakang sekolah saya <u>agak</u> gelap dan berbahaya.
Belakang (diguna di belakang kata adjektif)	sekali, benar, nian, betul	1 Cuaca pada hari ini panas <u>sekali</u> . 2 Suasana di tepi pantai itu indah <u>nian</u> . 3 Masam <u>benar</u> buah mangga ini. 4 Besar <u>betul</u> rumah kamu.
Bebas (diguna di depan atau di belakang kata adjektif)	amat, sangat, sungguh	1 Cincin itu <u>amat</u> cantik. Cincin itu cantik <u>amat</u> . 2 Kamus itu <u>sangat</u> tebal. Kamus itu tebal <u>sangat</u> . 3 Bas ekspres itu <u>sungguh</u> laju. Bas ekspres itu laju <u>sungguh</u> .

- Terdapat juga unsur penguat yang boleh hadir berderetan sebelum kata adjektif. Contohnya, sungguh amat merdu, sungguh kurang sopan dan terlalu amat pedih.

Contoh Ayat:

- Suaranya sungguh amat merdu
- Perangainya sungguh kurang sopan.
- Kata-katanya terlalu amat pedih.



Kata Bantu

- Kata bantu ialah jenis perkataan yang bertugas membantu frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama, iaitu menimbulkan makna-makna tambahan dari segi aspek waktu / ragam.
- Kata bantu boleh dibahagikan kepada dua, iaitu kata bantu aspek dan kata bentuk ragam.

(i) Kata Bantu Aspek

- Kata bantu aspek memberitahu sama ada perbuatan itu sudah, sedang atau belum dibuat.
- Kata bantu aspek menimbulkan suasana perbezaan masa iaitu sama ada lampau, kini atau masa hadapan.
- Contoh kata bantu aspek ialah telah, baru, pernah, sedang, masih, akan dan belum.

(ii) Kata Bantu Ragam

- Kata bantu ragam ialah bentuk kata yang menyatakan atau menerangkan ragam perasaan yang berkait dengan perbuatan yang dilakukan seperti hendak, mahu, harus, mesti, boleh dan dapat.
- Kata bantu ragam menerangkan perasaan dan pendapat orang yang melakukan perbuatan ini.

Kata Bantu Aspek	Keterangan	Contoh Ayat
Telah, sudah, pernah	Menunjukkan perbuatan yang telah berlaku	1 Dia sudah menghantar buku latihan. 2 Amelia pernah tinggal di Terengganu.
Sedang, masih, tengah	Menunjukkan perbuatan yang sedang berlaku	1 Gayathi sedang menunggu panggilan telefon. 2 Mesyuarat itu masih belum tamat.
Akan, belum	Menunjukkan perbuatan yang akan berlaku	1 Kami akan bertolak ke Kuala Lumpur esok pagi.

Kata Bantu Ragam	Keterangan	Contoh Ayat
Hendak, mahu, ingin	Menunjukkan sesuatu keinginan atau tujuan	1 Dia hendak membeli sebuah kereta.
Harus, mesti, perlu, wajib	Menunjukkan perbuatan yang mesti dilakukan	1 Kita perlu bertindak segera. 2 Sebagai murid, kita mesti mematuhi peraturan sekolah.
Boleh, dapat	Menunjukkan keupayaan membuat sesuatu	1 Saya tidak dapat membantu Aiman.
Mungkin	Menunjukkan perbuatan keberangskalian atau kemungkinan	1 Dia mungkin jatuh sakit jika sering mengabaikan kesihatan.



Kata Pemeri

- Kata pemeri ialah perkataan yang menghubungkan subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat.
- Kata pemeri ialah unsur yang menjadi perihal kepada predikat atau perangkai antara subjek dengan frasa utama dalam predikat.
- Dalam erti kata yang lebih mudah, kata pemeri ialah perkataan yang menghubungkan subjek dengan frasa-frasa utama dalam predikat.
- Terdapat dua kata pemeri, iaitu ialah dan adalah.
- Kata pemeri **ialah** diletakkan di hadapan kata nama atau frasa nama.
- Kata pemeri **adalah** diletakkan di hadapan frasa adjektif dan frasa sendi nama.

Contoh Ayat

- 1 Lelaki yang berkemeja putih itu ialah ayah saya.
- 2 Haiza adalah antara pelajar yang cemerlang di sekolah itu.
- 3 Makanan kegemaran saya ialah nasi lemak.
- 4 Tarikh tutup pertandingan itu adalah pada minggu hadapan.



Kata Majmuk

- Kata majmuk ialah dua atau lebih kata dasar digabungkan atau dirangkaikan untuk mencipta makna yang tertentu. Perkataan yang dirangkaikan ini ditulis secara bercantum dan ada juga dieja secara terpisah.

Kata Majmuk Bebas

- Kata majmuk bebas ialah dua kata dasar yang dirangkaikan untuk membentuk satu perkataan baharu yang ditulis secara terpisah.

Contoh :

gambar rajah	kuning langsung
biru laut	jalan raya
luar biasa	merah muda
tengah hari	jam tangan
kapal terbang	nasi minyak
bandar raya	bom tangan
alat tulis	meja tulis
terima kasih	kipas angin
bunga manggar	dulang air
kerusi roda	beg tangan

Kata Majmuk Mantap

- Kata majmuk mantap ialah dua kata dasar yang ditulis secara bercantum dan dieja sebagai satu perkataan.

Contoh:

antarabangsa	kerjasama
beritahu	olahraga
bumiputera	matahari
jawatankuasa	setiausaha
kakitangan	sukarela
pesuruhjaya	tanggungjawab
tandatangan	warganegara
suruhanjaya	pilihanraya

Kata Majmuk Kiasan

- Kata majmuk kiasan ialah kata majmuk yang terdiri daripada simpulan bahasa.

Contoh kata majmuk kiasan:

kaki ayam	pilih kasih
duit kopi	anak emas
kaki bangku	buah hati
buah tangan	manis mulut
makan angin	berat tangan
naik darah	gaji buta
cahaya mata	isi hati
nyawa ikan	campur tangan
otak udang	rendah diri
malam buta	ringan tulang



Kata Ganda Penuh

- Kata ganda penuh ialah proses menggandakan keseluruhan kata dasar dan diletakkan tanda sempang (-).

Contoh:

rama-rama	agar-agar	anai-anai
murid-murid	jentik-jentik	anting-anting
guru-guru	jalan-jalan	biri-biri
kereta-kereta	besar-besar	gula-gula
anak-anak	awal-awal	jemput-jemput
manis-manis	bulat-bulat	buku-buku
mana-mana	kupu-kupu	lagu-lagu



Kata Ganda Separa

- Kata ganda separa ialah kata yang menggandakan sebahagian kata dasar sahaja.
- Kata dasar boleh terdiri daripada kata tunggal atau kata berimbuhan.

Kata tunggal

bebola	lelaki	jejentik	rerambut
jejari	kekuda	dedalu	sesiku
dedaun	kekisi	kekuda	sesungut
bebawang	bebenang	lelangit	tetangga
kekabu	gegendang	kekunci	jejarum
tetamu	dedawai	pepijat	pepejal
cecair	geguli	pepondok	lelayang

Kata berimbuhan

tahu-menahu	tolong-menolong	bantu-membantu
sulam-menyulam	tari-menari	tumbuk-menumbuk
simpan-menyimpan	kemerah-merahan	barang-barangan
kejar-mengejar	tarik-menarik	tawar-menawar



Kata Ganda Berentak

- Kata ganda berentak ialah kata yang menggandakan kata dasar mengikut rentak bunyi tertentu.
- Kata ganda berentak terbahagi kepada tiga iaitu pengulangan vokal, pengulangan konsonan dan kata ganda berentak bebas

Contoh:

batu-batan	anak-pinak	bolak-balik
beli-belah	calar-balar	compang-camping
bengkang-bengkok	cerai-berai	dolak-dalik
corat-coret	comot-momot	gopoh-gapah
degap-degup	gotong-royong	gunung-ganang
dentam-dentum	karut-marut	haru-biru
desas-desus	kaya-raja	huru-hara
gambar-gembur	kuih-muih	huyung-hayang
gerak-geri	pindah-randah	kacau-bilau
lauk-pauk	batu-bata	saudara-mara
tunggang-langgang	tanah-tanah	semak-samun



Penjodoh Bilangan

- Penjodoh bilangan digunakan **sebelum** sesuatu kata atau nama yang menunjukkan jumlah atau bilangan.
- Penjodoh bilangan digunakan bersama-sama dengan kata bilangan.
- Kadang kala, kata bilangan digunakan sebelum penjodoh bilangan seperti beberapa, dua, tiga, atau sebagainya.

Penjodoh Bilangan	Penggunaan	Contoh
angkatan	untuk sekumpulan manusia atau benda	kapal, tentera, pelukis, penulis
baris	untuk kedudukan benda/manusia yang berbaris	orang, kedai, rumah, pokok, tulisan, ayat, meja, kerusi
batang	untuk menunjukkan benda-benda yang panjang atau tinggi	sungai, lilin, galah, tiang, pen, pokok, gigi, tongkat, kapur, jambatan, jarum
berkas	untuk benda-benda yang diikat bersama-sama	kunci, lidi, kayu
bidang	untuk benda-benda atau tempat yang terbentang luas	tanah, kain, sawah, permaidani, layar, kebun, tikar

biji	untuk buah-buahan, benda-benda yang bulat, dan benda-benda yang kecil	labu, lobak, kubis, terung, bola, cawan, guli, belon, ketupat, batu, telur, gelas
bilah	untuk benda-benda yang tajam	parang, pisau, golok, gunting, sabit, keris
buah	untuk benda-benda besar dan padu, yang tidak mempunyai bentuk yang tertentu	bandar, negeri, kampung, pulau, banglo, rumah, jambatan, sekolah, beg, komputer
carik	untuk kain atau kertas yang dicarik	kain, kertas
cawan	untuk air yang diletakkan di dalam cawan	air, teh, kopi
cebis	untuk benda-benda yang dikoyakkan atau serpihan	kain, kertas, kaca
das	untuk bunyi letupan atau tembakan	tembakan
deret	untuk benda-benda yang tersusun	bangunan, rumah, kedai, kereta
ekor	untuk semua jenis binatang	nyamuk, semut, kuda, buaya, musang, gajah, arnab, rama-rama
genggam	untuk benda-benda yang digenggam	pasir, beras, padi
gugus	untuk buah-buah ataupun benda sama jenis yang dikumpulkan dalam satu ikatan	anggur, langsung, kelapa sawit, sawit, kunci
gulung	untuk benda-benda yang bergulung	filem, permaidani, tikar, dawai, kertas
helai	untuk benda-benda yang nipis dan lebar	kain, baju, seluar, sapu tangan, kertas, kertas tisu, daun, bendera, bulu burung
hiris	untuk benda-benda yang dipotong nipis	bawang, timun, daging, buah-buahan
ikat	untuk benda-benda yang diikat	kayu, lidi, tebu, sayur, papan
jambak	untuk benda-benda yang bertangkai atau berangkai-rangkai	bunga, kunci
kepal	untuk benda-benda yang dikepal dengan tangan	nasi, pulut, tanah
keping	untuk benda-benda yang nipis atau pipih	roti, biskut, kuih, kad, gambar, setem, lencana, foto, papan,
kuntum	untuk semua jenis bunga	mawar, melati, anggerik
papan	untuk benda-benda yang berbentuk kepingan	coklat, petai, mercun
sikat/sisir	untuk buah pisang	pisang

suap	untuk makanan yang dijemput dan dimasukkan ke mulut	roti, nasi
tandan	untuk buah-buahan yang bertandan	pisang, kelapa, pinang, kelapa sawit
tongkol	untuk buah yang bertongkol	jagung
ulas	untuk isi buah-buahan yang berulas-ulas	limau, durian, cempedak, nangka, langsung, manggis, bawang putih
untai	untuk benda yang berangkai-rangkai	rantai manik, kalung mutiara, tasbih, pantun, sajak, syair
urat	untuk benda-benda yang halus dan panjang	rotan, benang, dawai, tali, gelang
utas	untuk benda-benda yang panjang dan berurai	benang, tali, dawai, rantai



Imbuhan Apitan

- Imbuhan apitan ialah kata yang menerima imbuhan di hadapan dan di belakang kata dasar.

Imbuhan	Contoh Kata	Contoh Ayat
meN—...—kan	melarikan, menjauhkan, membinasakan, menghadihkan, menyelitkan	1 Pencuri itu melarikan diri ke dalam hutan. 2 Anisa menghadihkan seutas rantai kepada ibunya. 3 Nenek menyelitkan sejumlah wang ke dalam poket bajunya.
meN—...—i	merestui, mendahului, membaiki, menghubungi, menyahuti	1 Ibunya tidak merestui perhubungan mereka. 2 Pak Samad membaiki jambatan yang runtuh. 3 Danial berjanji akan menghubungi saya semula.
beR—...—kan	beralaskan, berdasarkan, bertemankan	1 Dia tidur beralaskan tikar mengkuang. 2 Adik sendirian di rumah bertemankan Si Tompok.
beR—...—an	berlarian, berterbangan, bermusuh-musuhan	1 Kami berlarian masuk ke dewan apabila hujan turun. 2 Rama-rama berterbangan menghisap madu di taman bunga.
di—...—kan	diceraikan, dijalankan, disemayamkan	1 Wanita itu diceraikan oleh suaminya. 2 Acara perbarisan akan dijalankan pada pukul 8 pagi.
di—...—i	dianugerahi, dianuti, diwarisi	1 Anggota tentera itu dianugerahi pingat atas keberaniannya. 2 Keris pusaka itu diwarisi daripada moyangnya.

memper-...-kan	memperbesarkan, memperluaskan, mempersembahkan	1 Datuk bercadang memperbesarkan bahagian bawah rumah pusaka. 2 Murid-murid mempersembahkan bicara berirama di atas pentas.
memper-...-i	memperbaharui, mempersetujui, memperakui	1 Ejen itu bersetuju memperbaharui kontrak jual beli rumah. 2 Kami tidak mempersetujui cadangan tersebut.
ke-...-an	keindahan, keajaiban, keistimewaan	1 Keindahan Pulau Rawa sememangnya tidak dapat dinafikan lagi. 2 Keistimewaan Suraya ialah dia pandai mengambil hati.
diper-...-kan	diperlihatkan, dipergunakan, diperdengarkan	1 Pengunjung diperlihatkan dengan tayangan video. 2 Kebaikannya dipergunakan oleh kawannya sendiri.
diper-...-i	diperingati, diperbaiki	1 Jambatan yang rosak itu telah diperbaiki oleh penduduk kampung.
peN-...-an	pelarian, penipuan, pembacaan, pengeboman, penyiasatan	1 Sudah bertahun-tahun dia menjadi pelarian di negara orang. 2 Hasil penyiasatan tersebut akan didedahkan kepada orang ramai. 3 Kebanyakan kes penipuan siber berlaku akibat kecuaiannya pengguna.
per-...-an	persamaan, perbezaan, perjumpaan	1 Antara kami tidak ada sebarang persamaan. 2 Perjumpaan keluarga itu diadakan di Port Dickson.



Imbuhan Sisipan

- Imbuhan sisipan ialah imbuhan yang diletakkan di tengah-tengah kata dasar.

Imbuhan	Kata Dasar	Imbuhan Sisipan	Contoh Ayat
- el -	tunjuk tapak kemumu / kemumur jajah jujur kangkang	telunjuk telapak kelemumur jelajah jelujur kelangkang	1 Jari telunjuknya luka terkena pisau. 2 Telapak tangannya bermandi peluh. 3 Rambut Arman dipenuhi kelemumur.

– em –	kuning gilang guruh gelap ketot kuncup serbak	kemuning gemilang gemuruh gemerlap kemetot kemuncup semerbak	1 Majlis tersebut berlangsung dengan penuh gilang-gemilang. 2 Kevin gemuruh apabila diminta tampil ke atas pentas. 3 Semerbak bau masakan ibu memenuhi ruang tamu.
– er –	suling sabut godak gigi kelip kuping	seruling serabut gerodak gerigi kerlip keruping	1 Anak gembala itu asyik meniup seruling. 2 Kepalanya serabut memikirkan anaknya.
– in –	sambung	sinambung	1 Drama tersebut merupakan sinambung daripada episod pertama.



Peribahasa

- Peribahasa ialah ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu.
- Peribahasa dibahagikan kepada jenis-jenis yang berikut:
 - 1 simpulan bahasa
 - 2 perumpamaan
 - 3 pepatah
 - 4 bidalan
 - 5 bandingan semacam
 - 6 kata-kata hikmat

Simpulan Bahasa

- Simpuln bahasa adalah bentuk peribahasa yang paling mudah.
- Simpuln bahasa merupakan ungkapan yang terdiri daripada dua perkataan dan mempunyai makna yang berlainan.

Simpulan Bahasa	Maksudnya
ada angin	Berkelakuan luar biasa pada sesuatu ketika
ada hati	Mempunyai keinginan yang melebihi kemampuan untuk melakukan atau memiliki sesuatu
air muka	Rupa atau wajah seseorang
ajak-ajak ayam	Tidak bersungguh-sungguh semasa mempelawa seseorang
alas perut	Makanan yang dimakan untuk sementara waktu sebelum memakan makanan yang mengenyangkan

anak emas	Anak yang disayangi oleh ibu bapa atau ketuanya
angkat kaki	Meninggalkan sesuatu tempat kerana sesuatu sebab
atas angin	Negara-negara di sebelah barat
atas pagar	Tidak menyebelahi mana-mana pihak
banyak mulut	Orang yang banyak bercakap
batu api	Orang yang suka menghasut
batu loncatan	Sesuatu yang dijadikan alat untuk mendapatkan sesuatu yang dihajati
berat hati	Enggan; malas
berat mulut	Pendiam atau tidak suka bercakap banyak
berat tulang	Orang yang malas bekerja
berat sebelah	Tidak berlaku adil
buah hati	Orang yang dikasihi atau dipuja
buah mulut	Sesuatu yang menjadi perbualan orang ramai
cahaya mata	Anak
cakar ayam	Tulisan yang buruk
campur tangan	Turut serta atau mencampuri urusan orang lain
cari jalan	Berusaha atau berikhtiar melakukan sesuatu
darah daging	Anak kandung
durian runtuh	Keuntungan yang diperoleh dengan tidak disangka-sangka
gaji buta	Mendapat gaji tanpa perlu bersusah payah atau bekerja bersungguh-sungguh
gelap mata	Hilang pertimbangan kerana terpengaruh oleh wang atau harta
hati batu	Degil atau keras hati
hidung tinggi	Sombong atau tinggi diri
ikat perut	Menahan lapar kerana berjimat
kaki ayam	Tidak berkasut atau berselipar
kaki bangku	Tidak berkebolehan bermain bola
kaki botol	Suka minum minuman keras
kecil hati	Berasa tersinggung atau merajuk
kepala angin	Perangai yang tidak menentu
kepala batu	Degil dan tidak mendengar nasihat
kera sumbang	Orang yang tidak suka bergaul dengan orang lain
khobar angin	Berita yang belum tentu benarnya
makan angin	Bersiar-siar untuk berehat

makan suap	Menerima rasuah
mandi peluh	Bekerja kuat
mati katak	Mati dengan sia-sia

Perumpamaan

- Perumpamaan merupakan jenis peribahasa yang maknanya tersirat di sebalik susunan kata-kata yang membentuk perumpamaan itu.
- Biasanya kata-kata bagai, ibarat, laksana, seperti, dan umpama terkandung dalam perumpamaan.

Perumpamaan	Maksud
Bagai aur dengan tebing	Tolong-menolong antara satu dengan yang lain
Bagai bunyi cempedak jatuh	Bunyi jatuh yang kuat
Bagai bulan dipagari bintang	Kecantikan gadis yang tiada bandingannya
Bagai diiris dengan sembilu	Perasaan yang sangat pedih
Bagai duri dalam daging	Sesuatu hal yang tidak menyenangkan
Bagai enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing	Hanya mementingkan diri sendiri
Bagai itik pulang petang	Berjalan lambat sekali
Bagai isi dengan kuku	Persahabatan yang sangat erat
Bagai kacang melupakan kulit	Orang yang tidak tahu mengenang budi
Bagai kumbang putus tali	Amat cepat; terlepas daripada sengsara
Bagai melepaskan batuk di tangga	Membuat sesuatu kerja sambil lewa saja
Bagai menatang minyak yang penuh	Mendidik anak dengan penuh belaian kasih sayang
Bagai mencencang air	Membuat pekerjaan yang sia-sia
Bagai murai tercabut ekor	Seseorang yang becok mulutnya
Bagai si kudung mendapat cincin	Orang yang tidak dapat merasai nikmat atau menggunakan kemudahan yang diperoleh
Bagai pinang dibelah dua/ Seperti cincin dengan permata	Pasangan yang sama padan dan sama cantik
Bagai tikus membaiki labu	Merosakkan lagi barang yang dibaikinya
Seperti abu di atas tunggul/ Seperti telur di hujung tanduk	Kedudukan tidak tetap atau tidak terjamin
Seperti anak ayam kehilangan ibu	Berpecah dan hilang tempat bergantung
Seperti anjing dengan kucing	Adik-beradik yang suka bergaduh
Seperti anjing dengan bayang-bayang	Orang yang tamak, tidak cukup dengan apa-apa yang ada
Seperti api dalam sekam	Dendam; perbuatan jahat yang tersembunyi
Seperti ayam berak kapur	Muka pucat dan tidak bermaya
Seperti bertih digoreng	Bunyi bising atau percakapan yang tidak berhenti-henti

Seperti cacing kepanasan	Tidak diam atau tenang; selalu gelisah
Seperti embun di hujung rumput	Kasih sayang yang tidak berkekalan
Seperti gergaji dua mata/ Seperti talam dua muka	Seseorang yang mengambil kesempatan daripada pertelingkahan antara dua pihak
Seperti harimau menyembunyikan kukunya	Menyembunyikan kelebihan yang ada pada dirinya
Seperti katak di bawah tempurung	Orang yang cetek pengetahuannya mengenai hal dunia luar
Seperti kera kena belacan	Tidak suka duduk diam
Seperti kera mendapat bunga	Seseorang yang tidak tahu menghargai pemberian orang lain
Seperti kerbau dicucuk hidung	Seseorang yang lurus; menurut segala perintah orang lain tanpa usul periksa
Seperti langit dengan bumi	Perbezaan yang amat ketara
Seperti mengajar itik berenang	Mengajar seseorang yang arif atau pandai daripada kita
Seperti pahat dengan penukul	Orang yang hanya bekerja apabila diperintah
Seperti rusa masuk ke kampung	Berasa hairan dan tercengang-cengang apabila berada di tempat yang baru
Seperti tikus jatuh di beras	Memperoleh kekayaan yang tidak disangka-sangka
Seperti ular kena palu	Jalan atau barisan yang bengkok-bengkok



Pepatah

- Pepatah merupakan jenis peribahasa yang berangkap.
- Terdapat pengulangan kata untuk penegasan, falsafah, atau pengajaran yang hendak disampaikan.

Pepatah	Maksud
Ada gula, ada semut	Di mana ada rezeki banyak, di situ banyak orang
Ada padi semua kerja jadi, ada beras semua kerja deras	Jika ada wang, sesuatu pekerjaan itu akan mudah selesai
Air sama air, sampah ke tepi juga	Seseorang yang campur tangan dalam pergaduhan antara adik-beradik, akhirnya akan diketepikan apabila adik-beradik itu berbaik
Ada ubi ada batas, ada budi boleh balas	Semua perbuatan baik atau jahat pasti ada balasannya
Alah bisa tegal biasa	Pekerjaan yang susah akan menjadi mudah jika selalu dilakukan
Alah membeli, menang memakai	Biar mahal asalkan tahan lama
Alah sabung menang sorak	Walaupun kalah tetapi masih berlagak
Anak di pangkuan dilepaskan, kera di hutan disusui	Mengutamakan orang lain daripada keluarga sendiri

Angguk bukan, geleng ya	Di mulut lain, di hati lain
Ayam terlepas, tangan bau tahi	Ingin mendapatkan untung yang banyak tetapi akhirnya menanggung kerugian atau malu
Bagaimana acuan begitulah kuihnya	Perangai anak biasanya menyamai perangai ibu bapanya
Berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian; bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian	Menikmati kesenangan selepas bersusah payah



Bidalan

- Bidalan merupakan jenis peribahasa yang maksudnya tersirat di sebalik susunan kata-kata yang membentuknya.
- Bidalan tidak mengandungi sesuatu kata yang tertentu seperti perumpamaan.

Bidalan	Maksud
Ada udang di sebalik batu	Mempunyai maksud yang tersembunyi di sebalik sesuatu perbuatan
Alah bisa tegal biasa	Jikalau sudah biasa, segala kesusahan tidak akan terasa lagi
Air dicincang tiada putus	Pertelingkahan antara adik-beradik tidak akan lama
Belakang parang kalau diasah lagiakan tajam	Orang yang bodoh jika belajar akan pandai juga
Belum duduk sudah berlunjur	Membuat sesuatu kerja sebelum tiba masanya
Biar lambat asal selamat	Membuat sesuatu pekerjaan biarlah dengan teliti dan cermat
Cencaru makan petang	Mendapat kemenangan pada saat-saat akhir
Gengam bara api biar sampai jadi arang	Melakukan sesuatu perkara yang susah mestilah bersabar
Hujan jatuh ke pasir	Perbuatan yang tidak bermakna
Indah khabar daripada rupa	Perkhabaran yang ditokok tambah daripada keadaan asalnya
Lempar batu sembunyi tangan	Pura-pura tidak mengetahui kesalahan yang dilakukan
Marahkan nyamuk kelambu dibakar	Tindakan terburu-buru yang hanya merugikan diri sendiri
Nasi sudah menjadi bubur	Penyesalan yang sudah tidak bermakna lagi
Sediakan payung sebelum hujan	Bersedia sebelum sesuatu perkara yang buruk berlaku
Sudah terhantuk baru terngadah	Sesudah mendapat kesusahan baru beringat-ingat
Tiada beban batu digalas	Sengaja mencari sesuatu yang menyusahkan diri sendiri



Bandingan Semacam

- Bandingan semacam ialah sejenis peribahasa yang maknanya dinyatakan dengan amat jelas dan terus terang, secara membandingkan sesuatu dengan sesuatu yang lain.

Contoh:

Adil	seperti	hakim
Bebas	seperti	burung
Berani	seperti	singa
Berat	seperti	batu
Besar	seperti	gajah
Bijak	seperti	kancil
Bodoh	seperti	keldai
Bulat	seperti	bola
Busuk	seperti	bangkai
Cantik	seperti	bidadari
Cepat	seperti	kilat
Putih	seperti	kapas
Gelap	seperti	malam
Gemuk	seperti	babi
Halus	seperti	baldu
Hangat	seperti	api
Harum	seperti	bunga
Hijau	seperti	rumput
Hitam	seperti	kuali
Jahat	seperti	syaitan
Jinak	seperti	merpati
Kecil	seperti	hama
Keras	seperti	batu
Kesat	seperti	pasir
Kuat	seperti	Badang
Kuning	seperti	kunjit
Kurus	seperti	lidi
Lambat	seperti	kura-kura
Lembut	seperti	baldu

Liat	seperti	getah
Licin	seperti	belut
Mahal	seperti	emas
Manis	seperti	madu
Masam	seperti	cuka
Masin	seperti	garam
Merah	seperti	darah
Merdu	seperti	buluh perindu



Kata-kata Hikmat

- Kata-kata hikmat merupakan jenis peribahasa yang biasanya terbit daripada ayat-ayat suci dalam kitab-kitab atau daripada percakapan serta penulisan seseorang yang dihormati dan terbilang.
- Kata-kata tersebut berisi falsafah atau pengajaran yang berguna sebagai panduan hidup.

Kata-kata hikmat	Maksud
Bahasa jiwa bangsa	Bahasa merupakan satu identiti atau lambang sesuatu negara
Bahasa menunjukkan bangsa	Pertuturan seseorang membolehkan seseorang itu diketahui bangsanya
Bersatu teguh, bercerai roboh	Kita akan menjadi kuat sekiranya bersatu dan kita akan menjadi lemah jika kita bercerai-berai
Hilang bahasa, lenyaplah bangsa	Sesuatu bangsa itu dianggap sudah tiada sekiranya bahasanya sudah tidak ditutur lagi
Kata mesti dikota	Setiap janji hendaklah ditunaikan
Ilmu pelita hidup	Ilmu pengetahuan dapat memberi petunjuk dan panduan kepada kehidupan manusia
Masa itu emas	Masa adalah sangat berharga
Membaca jambatan ilmu	Ilmu pengetahuan itu dapat ditingkatkan melalui pembacaan
Otak cerdas, badan cergas	Kita dapat berfikir dengan baik dan sempurna jika mempunyai kesihatan yang baik
Pandu cermat jiwa selamat	Sekiranya kita memandu dengan berhati-hati, kemungkinan kita ditimpa kemalangan adalah sedikit
Tangan yang menghayun buaian mampu menggoncang dunia	Wanita yang secara umumnya bersifat malu dan lemah lembut, mampu menyumbang idea dan tenaga



Ayat Aktif dan Ayat Pasif

Ayat Aktif

- Ayat aktif ialah ayat yang mengandungi kata kerja yang mengutamakan subjek asal.
- Ayat aktif ialah ayat yang menekankan objek.
- Ayat aktif ialah ayat yang mengutamakan subjek atau pelaku sebagai subjek dan kata kerja di dalam ayat tersebut mempunyai awalan MeN- (me-, mem-, men-, menge-, dan meny-).
- Ayat aktif terbahagi kepada dua iaitu:
 - 1 Ayat aktif transitif
 - 2 Ayat aktif tak transitif
- Ayat aktif transitif ialah ayat yang mengandungi kata kerja transitif atau erti kata lain ayat yang diikuti oleh frasa nama sebagai objek.
- Ayat aktif tak transitif pula ialah ayat yang mengandungi kata kerja tak transitif, iaitu yang tidak diikuti oleh objek sebagai penyambut.

Ayat Pasif

- Ayat pasif ialah ayat yang mengandungi kata kerja yang mengutamakan objek asal sebagai subjek baharu.
- Ayat pasif menerangkan benda atau orang yang dikenakan perbuatan ke atasnya.
- Ayat pasif ialah ayat yang mengutamakan objek dan perbuatannya serta kata kerja di dalam ayat tersebut tanpa awalan atau berawalan “di-” beserta dengan kata sendi “oleh.”
- Ayat pasif tidak berawalan men- dan didahului kata ganti diri pertama dan kata ganti diri kedua.
- Ayat pasif terdiri daripada:
 - 1 Ayat pasif diri pertama iaitu ayat yang kata kerjanya tidak berawalan men-, dan didahului kata ganti diri pertama seperti aku, kami, kita, saya, dan sebagainya.
 - 2 Ayat pasif diri kedua iaitu ayat yang kata kerjanya tidak berawalan men-, dan didahului kata ganti diri kedua seperti awak, anda, kamu, engkau, dan sebagainya.
 - 3 Ayat pasif diri ketiga iaitu ayat yang kata kerjanya berawalan di-, diikuti kata sendi oleh serta kata ganti diri ketiga seperti ia, dia, beliau, baginda, dan sebagainya.

Contoh Ayat:

Ayat Aktif	Ayat Pasif
1 Suzana membasuh baju itu.	1 Baju itu dibasuh oleh Suzana.
2 Ibu menanak nasi.	2 Nasi ditanak oleh ibu.
3 Kita mesti mendengar nasihat ibu bapa.	3 Nasihat ibu bapa mesti kita dengar.
4 Dayyan memarahi adiknya dengan suara yang nyaring.	4 Adiknya dimarahi dengan suara yang nyaring oleh Dayyan.
Ayat Aktif	Ayat Pasif Diri Pertama
1 Saya menyepak bola itu.	1 Bola itu saya sepak.
2 Saya akan mencuci pinggan itu.	2 Pinggan itu akan aku cuci.

Ayat Aktif	Ayat Pasif Diri Kedua
1 Anda harus menyiapkan kerja itu. 2 Awak mesti memulangkan buku itu	1 Kerja itu harus anda siapkan. 2 Buku itu itu mesti awak pulangkan.

Ayat Aktif	Ayat Pasif Diri Ketiga
1 Dia sedang mengecat ruang tamu. 2 Mereka mentertawakan pengemis itu. 3 Baginda menitahkan supaya rakyat datang mengadap.	1 Ruang tamu dicat olehnya. 2 Pengemis itu ditertawakan oleh mereka. 3 Rakyat dititahkan supaya datang mengadap oleh baginda.



Ayat Susunan Biasa dan Ayat Susunan Songsang

- 1 Ayat susunan biasa ialah ayat yang subjeknya di hadapan dan predikatnya di belakang.
- 2 Ayat susunan songsang ialah ayat yang predikatnya di hadapan dan subjeknya di belakang.

Contoh Ayat:

Ayat Susunan Biasa	Ayat Susunan Songsang
1 Murid itu sangat rajin. 2 Musa ketua kelas 5 Delima. 3 Encik Ahmad sedang menunggu giliran untuk mengundi.	1 Sangat rajin murid itu. 2 Ketua kelas 5 Delima Musa. 3 Sedang menunggu giliran untuk mengundi Encik Ahmad.



Ayat Tunggal dengan Peluasan Subjek dan Predikat

- Ayat yang menerima penambahan unsur pada subjek atau predikat ayat.



Ayat Majmuk dengan Peluasan Subjek dan Predikat

- Terdiri daripada ayat-ayat yang mengalami peluasan dengan unsur kata hubung gabungan, relatif, komplemen dan keterangan pada subjek dan predikat ayat



Ayat Tunggal dengan Peluasan Subjek

- Peluasan pada frasa nama / subjek

Contoh Ayat:

- 1 Siti Norhaliza penyanyi popular.
Siti Norhaliza yang bersuara merdu itu penyanyi popular.
- 2 Rumah itu besar.
Rumah di hujung sawah itu besar.

- Peluasan pada predikat

Contoh Ayat:

- 1 Zahran memandu kereta.
Zahran memandu kereta yang berwarna merah.
- 2 Raihana membeli buku cerita.
Raihana membeli buku cerita di pesta buku.

Ayat Tunggal

- 1 Keluarga Farisha sedang menjamu selera.
- 2 Encik Farid makan sedikit sahaja.
- 3 Badan memerlukan semua unsur itu.
- 4 Juadah mereka beraneka rasa.
- 5 Ulam itu rasanya pahit.

Peluasan Subjek

- 1 Keluarga bahagia Farisha sedang menjamu selera.
- 2 Encik Farid bapa Farisha makan sedikit sahaja.
- 3 Badan sihat memerlukan semua unsur itu.
- 4 Juadah enak mereka beraneka rasa.
- 5 Ulam segar itu rasanya pahit.

Peluasan Predikat

- 1 Keluarga Farisha sedang menjamu selera di ruang makan.
- 2 Encik Farid makan sedikit sahaja sepanjang masa.
- 3 Badan memerlukan semua unsur itu agar sentiasa sihat.
- 4 Juadah mereka beraneka rasa di atas meja.
- 5 Ulam itu rasanya pahit apabila di makan.



Ayat Seruan

- Ayat seruan ialah ayat yang diucapkan dengan intonasi seruan untuk melahirkan perasaan.
- Intonasi seruan ini ditandai dengan tanda seru (!) yang terletak pada akhir ayat.

Contoh Kata	Penggunaan	Contoh Ayat
aduhai	Menyatakan perasaan sedih	Aduhai, malang sungguh nasibku ini!
aduh	Meluahkan perasaan sakit dan kagum	Aduh, sakitnya perut saya!
amboi/ wah	Menyatakan perasaan hairan atau kagum	Wah, cantik sungguh awak hari ini! Amboi, manisnya buah rambutan ini!
ah	Menyatakan tidak setuju atau menolak sesuatu	Ah, aku tidak percaya kata-katamu itu!
oh	Menyatakan rasa terkejut hairan, gembira atau mengharap	Oh, di sini rupanya kamu bersembunyi! Oh Tuhan, ampunilah dosa hamba-Mu ini!

hai	Menegur seseorang atau mahu menarik perhatian	Hai, bolehkah saya berkenalan!
wahai	Menyatakan perasaan sayang atau merayu	Wahai anak-anakku yang disayangi!
cis/nah	Meluahkan perasaan marah atau benci	Cis, berani kau mengganggu keluargaku! Nah, ambil balik duit engkau ini!
syabas	Meluahkan perasaan gembira atau apabila mengucapkan tahniah	Syabas kerana berjaya memenangi perlawanan ini!
alamak	Menyatakan perasaan terkejut	Alamak, saya terlupa membawa buku latihan!
bedebah	Menyatakan perasaan marah	Bedebah, berani engkau menentang perintahku!



Ayat Perintah

- Ayat perintah ialah ayat yang digunakan untuk menimbulkan sesuatu tindakan.
- Ayat perintah digunakan bertujuan untuk memberikan perintah, suruhan, ajakan menyatakan keinginan, harapan atau larangan untuk melakukan sesuatu.
- Ayat perintah ditujukan kepada orang kedua dan kata ganti nama diri ketiga.
- Ayat perintah boleh dilembutkan dengan menggunakan partike –lah.

Jenis-jenis Ayat Perintah:

- Ayat Suruhan
- Ayat Larangan
- Ayat Silaan
- Ayat Permintaan

Ayat Suruhan

- Ayat suruhan ialah ayat yang memberikan arahan kepada seseorang melakukan sesuatu.
- Subjek ayat daripada ganti nama diri orang kedua seperti kamu, awak, engkau dan sebagainya.

Contoh Ayat:

- 1 Pergi dari sini.
- 2 Makanlah buah-buahan yang saya bawa ini.
- 3 Siapkan tugas kamu.
- 4 Fikirlah sebelum bertindak.

Ayat Silaan

- Ayat silaan digunakan untuk menjemput dan mempersilakan seseorang.
- Ayat silaan boleh dikenal pasti menggunakan kata silaan seperti sila, sudi dan jemput.

Contoh Ayat:

- 1 Sila masuk.
- 2 Jemput makan.
- 3 Sudilah kiranya kamu ke mari.

Ayat Larangan

- Ayat larangan ialah ayat yang digunakan untuk melarang orang daripada melakukan sesuatu.
- Ayat larangan boleh dikenal pasti menggunakan kata larangan jangan, usah atau tidak usah.

Contoh Ayat:

- 1 Jangan bising.
- 2 Usah bermimpi di siang hari.
- 3 Tak usah hiraukan kata-katanya itu.

- Ada jenis ayat larangan yang bersifat umum yang tidak menggunakan kata larangan dan tidak menerima partikal –lah.

Contoh Ayat:

- 1 Dilarang merokok.
- 2 Dilarang memancing.

- Ayat larangan dapat juga dilembutkan dengan menggunakan perkataan harap pada bahagian hadapannya.

Ayat Permintaan

- Ayat permintaan berfungsi untuk meminta atau memohon seseorang melakukan sesuatu.
- Ayat permintaan menggunakan kata permintaan seperti tolong, mohon dan minta.

Contoh Ayat:

- 1 Minta perhatian semua.
- 2 Tolong pergi dari sini.
- 3 Mohon jaga kebersihan kelas.